

PEMBINGKAIAN AKHBAR ONLINE MENGENAI ISU BANTAHAN PEMBELAJARAN TULISAN JAWI DI SEKOLAH VERNAKULAR DI MALAYSIA

Norli Yusuf

Fakulti Sains Sosial, Kolej Universiti Islam Melaka

Mohd Sufiean Hassan

Universiti Teknologi MARA (UiTM) Cawangan Melaka

Tun Mastura Wan Lokman

Fakulti Sains Sosial, Kolej Universiti Islam Melaka

Fazurah Mustaffa

Fakulti Sains Sosial, Kolej Universiti Islam Melaka

Corresponding Author’s Email: norli@kuim.edu.my

Article history:

Received : 18 June 2021

Accepted : 13 August 2021

Published : 10 September 2021

ABSTRAK

Pembingkaian (*framing*) memainkan peranan penting untuk memahami peranan media dalam pembinaan sesuatu berita. Pembingkaian adalah proses yang mencerminkan keputusan oleh pengamal media tentang apa yang dianggap penting atau layak untuk dijadikan berita yang mampu mempengaruhi pemikiran. Kajian ini bertujuan untuk melihat bentuk pembingkaian berita bantahan pembelajaran tulisan Jawi di sekolah vernakular di Malaysia dalam akhbar-akhbar online di Malaysia dan mengenal pasti perbezaan bingkai berita yang dipaparkan dalam akhbar-akhbar ini. Dengan menggunakan kaedah analisis kandungan, kajian ini menganalisis pembingkaian berita bantahan pembelajaran tulisan Jawi di sekolah vernakular di Malaysia dalam akhbar-akhbar online di Malaysia iaitu Berita Harian Online dan Malaysiakini.com. Hasil kajian mengenalpasti bahawa kelima-lima bingkai generik digunakan oleh akhbar-akhbar ini. Kajian mendapati bingkai tanggungjawab kurang digunakan oleh Akhbar Berita Harian Online. Penentuan bingkai adalah berdasarkan isu yang ingin dilaporkan oleh wartawan. Disebabkan isu pembantahan tulisan jawi di sekolah vernakular merupakan isu yang penting dalam pendidikan dan perpaduan, maka ia memerlukan keprihatinan yang tinggi daripada semua pihak terutama media sebagai ejen sosialisasi.

Kata Kunci: Pembingkaian, Tulisan Jawi, Bantahan, Pembelajaran, Sekolah Vernakular

NEWS FRAMING OF JAWI WRITING LEARNING PROTESTS AT VERNACULAR SCHOOLS THROUGH ONLINE NEWSPAPERS IN MALAYSIA

ABSTRACT

Framing plays an important role in understanding the role of the media in the construction of a news story. Framing is a process that reflects decisions by media practitioners about what is considered important or worthy of being news that is capable of influencing thinking. This study aims to look at the form of news framing of Jawi writing learning protests at vernacular schools in Malaysia through online newspapers in Malaysia and identify the differences of news frames displayed in these newspapers. Using the content analysis method, this study analyzes the news framing of the protest against the learning of Jawi writing in vernacular schools in Malaysia in the online newspapers in Malaysia, namely Berita Harian Online and Malaysiakini.com. The results of the study identified the types of frames and differences in news forms that are most widely used in each newspaper because the issue of Jawi writing is an important issue and requires high concern from all parties.

Keywords: *Framing, Jawi Writing, Protests, Learning, Vernacular Schools*

PENGENALAN

Sistem pendidikan di Malaysia menekankan pembelajaran Pendidikan Islam di sekolah-sekolah dan disampaikan dengan pelbagai mekanisme menerusi bahan-bahan pengajaran yang menggunakan tulisan Jawi sebagai medium utama. Justeru, kepelbagaiannya aktiviti pengajaran dan pembelajaran pendidikan Islam di setiap sekolah di Malaysia memerlukan kemahiran menulis dan membaca dengan menggunakan tulisan Jawi. Maka, tulisan Jawi mengalami proses pengubahsuaian dan penambahan huruf-huruf Arab bagi merealisasikan proses pembelajaran yang mudah dan efektif di kalangan pelajar. Dengan demikian tindakan pengukuhan dilakukan bagi melengkapkan pelajar dengan kemahiran menulis dan membaca Jawi agar mereka boleh menguasai pembelajaran Pendidikan Islam.

Ironinya tulisan Jawi begitu sinonim dengan bangsa Melayu dan Agama Islam. Malahan wujud stigma di Malaysia bahawa tulisan Jawi adalah tulisan bangsa Melayu. Hakikatnya sejarah penggunaan tulisan Jawi adalah bermula dari kedatangan Islam ke tanah Melayu. Ia dikaitkan dengan orang Melayu kerana tulisan Jawi berfungsi sebagai medium komunikasi dalam menyampaikan ilmu agama. Tambahan pula penganut agama Islam adalah majoriti bangsa Melayu dan secara tidak langsung tulisan Jawi berfungsi sebagai alat penyebaran ilmu, terutama pengetahuan agama di kalangan masyarakat Melayu. Tulisan Jawi mencerminkan jati diri masyarakat Melayu lebih dari setengah abad yang lalu (Faisal & Niswa, 2009). Malahan ada yang menganggap bahawa tulisan Jawi

adalah sama tulisan Arab yang khususnya untuk orang Islam. Sedangkan hakikatnya tulisan Jawi hanya meminjam huruf-huruf arab sebagai aksara dalam membina tulisan berbahasa Melayu.

Namun tulisan Jawi yang asalnya berperanan besar sebagai tinta komunikasi dalam menyebarkan ilmu pengetahuan, mengalami perubahan nasib yang berbeza kerana tugasnya telah diganti oleh Rumi. Malahan, kepentingan tulisan Jawi juga seakan-akan tidak dihargai dan tidak lagi dilihat sebagai wahana kegemilangan ilmu sepertimana yang pernah dilalui di zaman kegemilangan Melayu suatu masa dahulu. Tulisan Jawi memiliki nilai estetika yang perlu dikekalkan kewujudannya. Hal ini kerana, ia adalah lambang ketamadunan dan kegemilangan dalam lipatan sejarah Tanah Melayu. Fenomena pemunggiran tulisan Jawi harus ditangani agar ia tidak melarat dan hilang ditelan zaman.

Pada tahun 2019, kementerian pendidikan telah mencadangkan agar penggunaan tulisan Jawi diperkenalkan dalam subjek tertentu di sekolah-sekolah vernakular di Malaysia. Akan tetapi, cadangan pelaksanaan ini menjadi isu yang melibatkan sensitiviti kaum dan agama. Isu ini menjadi lebih kontroversi apabila media melaporkan isu ini sebagai agenda utama dan penting. Disebabkan pelbagai penerimaan dan maklum balas dari pelbagai pihak, makalah ini akan membincangkan bentuk pembingkaian isu pelaksanaan tulisan Jawi di sekolah vernakular dan perbezaan penyampaiannya di antara satu akhbar dengan akhbar yang lain.

Kebanyakan akhbar-akhbar pada masa kini terlalu gemar mencetuskan sensasi secara berlebihan untuk menarik perhatian pembaca dan biasanya akan membuat masyarakat merasa bimbang dan takut dengan apa yang dipaparkan. Contohnya, isu bantahan pelaksanaan pembelajaran tulisan Jawi di sekolah vernakular yang dilaporkan dalam akhbar pada akhir tahun 2019. Isu ini telah mencetuskan ketidakselesaan kaum di Malaysia. Kebanyakan liputan akhbar pada waktu itu hanya memberikan ruang dan tumpuan kepada bantahan dari yang melibatkan isu perkauman. Keadaan ini menyebabkan berlakunya ketidakadilan dalam laporan dan penilaian terhadap kaum lain. Hal ini kerana setiap akhbar di Malaysia hanya cenderung melihat permasalahan kaum tertentu sahaja. Abu Hassan Hasbullah (2009) menyatakan bahawa kebanyakan akhbar tidak mengira bahasa di negara ini memang mengamalkan sikap perkauman sama ada secara sedar atau tidak dalam liputan berita yang dilaporkan.

Namun begitu, dalam melaporkan masalah-masalah yang melibatkan kaum atau sensitiviti agama dalam masyarakat multi-etnik dan budaya bukanlah sesuatu tanggungjawab yang mudah bagi media. Negara seperti Malaysia di mana sensitiviti kaum dan agama sangat diutamakan dalam setiap hal, membuatkan media berada di tempat yang genting untuk menentukan keseimbangan antara apa yang harus ditulis dan bagaimana untuk menulisnya. Selain itu, laporan yang berkaitan dengan isu-isu sensitif juga memerlukan keprihatinan yang tinggi agar liputan dapat dilaporkan dengan adil. Fico dan Drager (2001) menyatakan bahawa wartawan memainkan peranan penting dan bertanggungjawab dalam setiap laporan untuk memastikan keadilan dan keseimbangan dalam pemberitaan yang dilaporkan. Sehubungan itu, pemilihan

sesuatu berita oleh akhbar mempunyai implikasi yang penting kerana berita boleh mencorakkan pengaruhnya ke atas khalayak terutamanya yang berkait dengan pelbagai isu kaum. Ketidakseimbangan maklumat kaum dalam akhbar boleh menimbulkan perbalahan dan konflik antara masyarakat pelbagai kaum. Sehubungan itu, pembingkaian penting dalam memahami berita media termasuk berita-berita akhbar.

Justeru, kajian ini bertujuan untuk mengenalpasti jenis bingkai dan perbezaan bentuk berita yang paling banyak digunakan dalam setiap akhbar kerana isu tulisan jawi merupakan isu yang penting dan memerlukan keprihatinan yang tinggi daripada semua pihak. Menerusi kajian ini, maka dapat dikenalpasti agenda yang digunakan oleh akhbar tersebut dalam menyebarkan maklumat kepada khalayak.

KONSEP DAN TEORI PEMBINGKAIAN BERITA

Pembingkaian fokus kepada bagaimana media menarik perhatian masyarakat terhadap topik tertentu, bermula dengan menetapkan agenda, dan seterusnya membentuk bingkai di mana penonton akan memahami maklumat tersebut. Untuk membina bingkai berita biasanya memerlukan pilihan yang tepat oleh sumber, wartawan dan penyunting. Dengan cara ini media berperanan sebagai pengampang yang akan mengumpulkan, memilih, mengatur dan membentangkan idea, peristiwa, serta topik yang mereka sampaikan.

Justeru kajian ini mengadaptasikan teori pembingkaian yang telah mulamula diperkenalkan oleh Goffman (1974). Beliau menyatakan bahawa teori ini meletakkan makna dalam berita yang disampaikan. Para wartawan menentukan bingkai berita berdasarkan maklumat yang mereka perolehi dan memilih isu yang akan membentuk perhatian daripada khalayak. Pembingkaian ialah bagaimana sesuatu berita dipersembahkan dari sudut dan juga konteks yang boleh memberi kesan kepada khalayak berita tersebut. Khalayak akan membentuk persepsi dan pemahaman mereka berdasarkan berita yang diterima. Menurut Vreese (2005), pembingkaian terbahagi kepada tiga proses komunikasi iaitu Pembentukan Bingkai '*Framing building*', Penentuan Bingkai '*Framing setting*', dan Kesan Pembingkaian '*Framing effects*'.

Framing Building ialah faktor yang mempengaruhi pembingkaian berita. Dalam proses ini, wartawan berperanan bagi membentuk pembingkaian isu yang akan ditentukan untuk khalayak. Manakala *framing setting* pula ialah proses interaksi yang berlaku sewaktu maklumat mahu disampaikan kepada khalayak. *Framing effects* pula merujuk kepada akibat daripada pembingkaian terhadap khalayak.

Konsep pembingkaian banyak dibincangkan oleh para sarjana dan menghasilkan pelbagai pandangan. Lippman (1992) ialah salah seorang pakar pembingkaian yang telah membina konsep pembingkaian berdasarkan realiti minda manusia. Menurut beliau, manusia boleh menyimpan dan memilih peristiwa yang penting buat dirinya. Dengan itu akan membentuk skema berdasarkan pengalaman manusia terhadap apa yang dialami. Maka daripada skema itu ia menghasilkan konsep realiti.

Berger dan Luckmann (1967) pula mengetengahkan konsep pembingkaian tentang pembinaan sosial ke atas realiti dengan paradigma manusia dan masyarakat secara berterusan yang bersifat dialektik, dinamik dan majmuk. Hal ini adalah berdasarkan sifat kepada realiti yang dibentuk dan dibina oleh manusia yang mempunyai latar belakang yang berbeza dan mengikut pilihan mereka sendiri.

Bateson (1972) berpendapat bahawa intipati daripada bingkai boleh dimaknakan dan terletak pada meta-komunikasi. Menurut beliau bahawa maksud daripada pembingkaian turut dikenali dari sudut bingkai psikologi apabila ia melibatkan perkongsian maklumat secara interaktif. Ini menggambarkan bahawa pembingkaian sebenarnya memberi pengertian kepada kaedah komunikasi yang diamalkan dari sudut psikologi dan afektif. Lippman (1992) pula menggambarkan bahawa tugas sebagai wartawan sebenarnya memiliki autoriti dalam menentukan berita yang ditulisnya. Ia adalah bergantung kepada sifat wartawan yang lebih kepada subjektiviti terhadap tugasnya. Wartawan menentukan bingkai sesuatu berita berdasarkan kepada selektiviti terhadap peristiwa dan fakta yang mahu ditonjolkannya. Wartawan menentukan apa yang mahu dipilih, ditonjol dan yang perlu disingkirkan dalam berita yang hendak ditulisnya. Justeru, situasi inilah yang menonjolkan konsep pembinaan sosial ke atas realiti. Di samping itu, faktor yang mempengaruhi wartawan dalam membingkaikan sesuatu isu juga boleh wujud daripada struktur sosial dan organisasi (Shoemaker & Reese, 1996) dan juga menerusi individu dan ideologi (Tuchman, 1978).

Penelitian terhadap tingkah laku dan perkembangan politik banyak dilakukan oleh para sarjana dengan menggunakan kaedah pembingkaian. Ini kerana, bingkai berita yang dipaparkan memberi gambaran realiti dan membentuk model realiti kerja-kerja politik yang berlaku (Susanti & Bahiyah, 2014). Dengan itu khalayak dapat mencari, melihat, mengenalpasti dan melabelkan arus maklumat, menilai calon politik dan strategi yang digunakan serta merangsang pemikiran terhadap situasi politik tersebut (Goffman, 1974; Iyengar, 1991; Iyengar & Kinder, 1987; Susanti & Bahiyah, 2014).

Kajian pembingkaian turut dijalankan secara deduktif yang mana menggunakan pembingkaian menerusi literatur dan mengklasifikasi kod menerusi analisis kandungan (Matthes & Kohring, 2008). Semetko dan Valkenburg (2000) dalam kajian mereka mendapati bahawa terdapat lima elemen dalam pembingkaian. Elemen-elemen tersebut ialah konflik, minat manusia, nilai, sumbangan tanggungjawab dan ekonomi. Menerusi kajian tersebut, setiap elemen diukur dengan mengutarkan 20 soalan dalam borang selidik yang dikemukakan kepada responden. Hasil kajian ini mendapati bahawa bingkai yang paling banyak digunakan oleh media ialah bingkai konflik dan minat manusia.

Entman (1993) pula mengemukakan bahawa pembingkaian melibatkan proses pemilihan dan penonjolan berita. Beliau mengutarakan empat tujuan utama pemberitaan untuk menjelaskan definisi masalah, penyebab kepada masalah, penilaian moral dan juga cadangan penyelesaian. Beliau menekankan bahawa pembingkaian turut mempengaruhi sikap dan tingkah laku khalayak dan

boleh memandu ke arah persepsi dan pemaparan realiti sesuatu berita (Goffman, 1974 & Entman, 1993).

Kajian pembingkaian telah banyak dijalankan oleh para sarjana. Walaupun teori pembingkaian adalah di antara teori terkini, namun pelbagai kajian telah dilakukan bagi menguji teori dan pembentukan pembingkaian.

Ishaku Hassan et al. (2017) menjalankan kajian analisis terhadap pemberitaan laporan akhbar tentang Islam di Nigeria dan Malaysia. Kajian ini menggunakan analisis pembingkaian yang diperkenalkan oleh Semetko dan Valkenburg dengan menggunakan lima item utama iaitu konflik, kesan/akibat, tanggungjawab, nilai dan minat manusia. Kajian ini mendapat bahawa pembingkaian yang sering digunakan adalah Konflik dan Minat manusia. Hal ini menyebabkan banyak kekeliruan yang berlaku apabila media sebenarnya melaporkan sesuatu isu yang berdasarkan konflik dan kemahuan manusia semata-mata. Akhirnya paparan tentang Islam lebih tertumpu tentang perkara-perkara yang negatif dan sekaligus menggambarkan Islam sebagai agama yang tidak layak dihormati. Situasi ini menimbulkan keadaan ‘moral panic’ yang mana berjaya mempengaruhi persepsi khalayak terhadap Islam.

Yang Lai Fong dan Md Sidin Ishak (2011) dalam kajian mereka, menggunakan kaedah analisis kandungan bagi mencari perbezaan dalam pembingkaian berita tentang isu kontroversi Lina Joy di Malaysia. Sepertimana Ishaku Hassan et al. (2017) kajian ini juga mengadaptasikan lima elemen asas pembingkaian yang diperkenalkan oleh Semetko dan Valkenburg (2000) iaitu konflik, minat manusia, kesan/akibat, nilai dan tanggungjawab. Kajian ini turut mendapat bahawa elemen konflik merupakan elemen utama dalam penyampaian berita. Hal ini kerana ia bergantung kepada isu yang disiarkan. Kesemua akhbar yang dikaji menyiarkan sesuatu fakta dengan sedikit penjelasan. Disebabkan itu, ia menimbulkan pelbagai andaian dan tindakbalas daripada pembaca sehingga menimbulkan konflik.

Konsep pembingkaian yang diperkembangkan oleh Semetko dan Valkenburg (2000) turut diadaptasi oleh Fatimah dan Azizah (2016) dalam kajian mereka tentang laporan berita ISIL di Al-Jazeera dan CNN. Kajian ini menggunakan pendekatan pembingkaian konflik, nilai dan minat manusia bagi mengkaji kekerapan pemberitaan tentang ISIL dalam kedua-dua media antarabangsa ini. Maka didapati bahawa terdapat persamaan dalam pemberitaan tentang ISIL menerusi Al-jazeera dan CNN yang mana laporan berita yang disiarkan mempunyai kadar kekerapan yang sama ketika isu tersebut dibincangkan dalam media.

Chang Peng Kee et al. (2012) dalam kajian mereka menggunakan pakai pendekatan teori pembingkaian Semetko dan Valkenburg. Kajian ini mendapat bahawa proses pembentukan bingkai berita sebenarnya wujud berdasarkan daripada hasil interaksi di antara sumber berita dan wartawan. Walaupun sumber berita mempunyai kepentingan dalam menentukan berita yang ingin disampaikan, namun wartawan akan memilih dan menyusun semula berita tersebut sebelum diterbitkan.

Berdasarkan kepada kajian-kajian pembingkaian yang diutarakan, pembingkaian mestilah mengandungi bingkai-bingkai berita yang telah

ditentukan oleh wartawan. Bingkai berita perlu disokong oleh sub-bingkai yang sesuai disamping mempunyai sumber berita yang menjadi tunjang kepada isu yang dibincangkan dalam berita. Oleh itu, untuk membingkaikan sesuatu perkara, perlulah memilih kenyataan atau elemen yang boleh menonjolkan sesuatu isu dan memberi penekanan kepada khalayak untuk menerimanya (Entman, 1993; Scheufele, 1999, Semetko & Valkenburg, 2000; Scheufele et al., 2007; Azahar et al., 2015).

Bazzini et al. (2015) mencadangkan agar kaedah analisis kandungan perlu dilaksanakan dengan menggunakan pendekatan teori pembingkaian. Ini kerana beberapa isu perlu ditekankan bagi mengetahui tahap penerimaan khalayak terhadap mesej yang dibingkaikan. Malahan ia juga boleh memandu ke arah kajian untuk mengetahui kesan mesej yang disampaikan terhadap penerimaan kognitif dan tingkah laku khalayak.

TULISAN JAWI DALAM PEMBELAJARAN DI SEKOLAH

Sejarah mencatatkan perkembangan tulisan Jawi sinonim dengan kedatangan Islam ke tanah Melayu sekaligus menjadi lambang dan simbol yang mewakili bahasa dan bangsa Melayu. Ia telah memainkan peranan yang penting dalam masyarakat Melayu sama ada sebagai alat komunikasi mahupun médium pengembangan ilmu terutamanya selepas kedatangan Islam di tanah Melayu. Tidak menjadi asing dalam kehidupan masyarakat pada masa itu bermula dari raja, pembesar negara, ulama, saudagar sehingga kepada rakyat jelata. Walaupun tulisan Jawi didapati mempunyai perkaitan yang amat rapat dengan skrip Arab terutamanya pada bentuk abjad, namun terdapat beberapa perbezaan yang ketara terutamanya pada pertambahan abjad yang menjadikan jumlah bilangan abjad Jawi berbeza dengan bilangan abjad Arab. Ini menunjukkan tulisan Jawi telah mempunyai identiti yang tersendiri dan mampu berperanan sebagai alat komunikasi dan alat pengembangan ilmu di peringkat global.

Tulisan Jawi mempunyai hukum dan sistemnya yang tersendiri merangkumi sistem ejaan, kaedah penulisan, jenis huruf, kedudukan huruf, penulisan kata pinjaman dan lain-lain lagi. Sistem ini menjadikan Jawi sebagai satu bidang pelajaran yang unik. Oleh yang demikian, adalah sangat penting untuk seseorang muslim menguasai bidang pelajaran Jawi kerana ia berkait rapat dengan Al-Quran dan Hadith. Kelemahan dalam penguasaan Jawi akan menjelaskan prestasi seorang muslim dalam menguasai huruf-huruf dan kalimah-kalimah Al-Quran serta Hadith.

Namun begitu, fungsi utama tulisan jawi bukanlah untuk mendalaminya agama Islam. Ini kerana, sifat tulisan jawi itu sendiri adalah sebagai medium penulisan dan pembacaan. Suatu masa dahulu, masyarakat menggunakan tulisan jawi sebagai medium komunikasi apabila media cetak seperti akhbar, majalah dan buku ditulis dalam tulisan jawi. Malahan, penguasaan tulisan jawi tidak terhad kepada bangsa Melayu sahaja.

Justeru, bagi mengekalkan nilai dan keunikan tulisan jawi, maka pembelajaran tulisan jawi perlu diperkenalkan di sekolah-sekolah. Ini juga kerana, bagi mengukuhkan penguasaan tulisan jawi di kalangan para pelajar dan

kajian Saiful Bahari dan Mazlan (2019) mendapati bahawa tahap penguasaan tulisan Jawi dalam kalangan pelajar meningkat setelah diperkenalkan program J-QAF di sekolah-sekolah.

Selain itu, terdapat persepsi pelajar yang menganggap bahawa tulisan jawi adalah sukar dan tidak penting dalam peperiksaan. Zurina Abdullah dan Adi Yasran (2020) berdasarkan dapatan kajian mendapati bahawa generasi hari ini menganggap penguasaan dan pemahaman terhadap tulisan jawi sekadar untuk memenuhi kepentingan mempelajari tulisan Jawi dalam konteks pembelajaran di sekolah sahaja. Malahan sesetengah Ibu bapa juga menganggap bahawa penguasaan tulisan Jawi adalah tidak penting memandangkan ia tidak diuji dalam peperiksaan Sijil Pengajian Malaysia (SPM). Mohd Eezan dan Shahlan (2021) berpendapat bahawa pandangan seperti ini mempengaruhi minat dan dorongan pelajar untuk mempelajari tulisan jawi apatah lagi menguasainya. Ini kerana ibu bapa adalah golongan yang berperanan besar dalam menggalakkan anak-anak ke arah sesuatu pembelajaran dan penguasaan ilmu.

Justeru, penekanan dan tindakan yang sewajarnya perlu dilakukan bagi memastikan bidang pelajaran Jawi ini dikuasai dan seterusnya dapat membantu dalam memperkenalkan fungsi tulisan ini sebagai medium komunikasi di peringkat umum. Biarpun tulisan Jawi tidak lagi digunakan secara meluas, namun pendekatan yang lebih relevan harus digunakan agar generasi muda mahu menguasai penggunaan tulisan Jawi sepertimana yang berlaku pada generasi terdahulu.

Disebabkan itu juga, maka media turut memainkan peranan sebagai entiti terpenting dalam menyuburi minat dan pemerkasaan tulisan Jawi. Isu tulisan Jawi bukan sahaja melibatkan bidang pendidikan, akan tetapi turut menyentuh beberapa sensitiviti pihak seperti kepelbagaian kaum, politik, dan agama.

ISU BANTAHAN PENGGUNAAN TULISAN JAWI

Cadangan melaksanakan pembelajaran tulisan Jawi di sekolah vernakular telah mencetuskan penentangan daripada Persekutuan Persatuan Lembaga Pengurus Sekolah Cina Malaysia (Dong Zong). Persatuan ini bertindak menyerahkan memorandum menolak pelaksanaan tersebut. Tindakan ini menunjukkan bahawa seakan-akan mempertikaikan hak keistimewaan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan yang telah termaktub dalam perlembagaan persekutuan. Hal ini jelas kerana tulisan Jawi adalah salah satu cabang dalam tulisan bahasa Melayu. Hak dan kedudukan tulisan Jawi sepatutnya dihormati dan bukan dijadikan bahan permainan politik pihak berkepentingan.

Persatuan Dong Zong dan Dong Jiao Zong mengadakan Kongres Organisasi Cina bagi melonjakkan lagi isu tentang terhadap pelaksanaan pembelajaran tulisan Jawi di sekolah vernakular. Walaupun kerajaan cuma memperkenalkan tulisan khat Jawi kepada pelajar tahun 4 sebanyak 6 muka surat, akan tetapi ia dilihat sebagai isu yang berat oleh persatuan ini.

Selain itu, isu ini semakin meruncing apabila Presiden Gerakan Dominic Lu Hoe Chai mengutarakan kes saman kepada Menteri Pendidikan (pada ketika itu) Dr. Maszlee Malik dan Timbalannya Teo Nie Ching dan Kerajaan

Persekutuan sebagai responden. Saman itu menyebut bahawa pelaksanaan pembelajaran tulisan Jawi dilihat sebagai cubaan agenda Islamisasi pihak tertentu. Dakwaan ini adalah tidak sepatutnya timbul kerana tiada bukti yang menunjukkan bahawa tulisan Jawi boleh mempengaruhi pelajar memeluk agama Islam. Tulisan Jawi adalah berbentuk tulisan yang sama dengan bahasa tulisan Arab. Jika dilihat dalam konteks bahasa Arab, ia digunakan sama ada oleh penganut Islam atau bukan Islam di negara Timur tengah. Maka tuduhan yang dilontarkan adalah tidak relevan.

Memandangkan terdapat bantahan dan ketidakpuasan hati dari pihak-pihak tertentu, maka kerajaan mengambil pendekatan bagi menyelesaikan isu ini. Hal ini perlu diuruskan dengan baik bagi mengelakkan tercetusnya rasa tidak selesa di antara kaum. Justeru kerajaan menetapkan syarat yang lebih longgar iaitu memberikan hak kepada pihak sekolah, Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG), guru serta murid untuk memilih sama ada mahu belajar atau tidak tulisan Jawi terutamanya di Sekolah Jenis Kebangsaan (SJK). Bertolak ansur adalah langkah mengalah yang sangat ketara kerana tulisan Jawi sebenarnya satu tulisan bahasa Kebangsaan.

Maka itu, media turut memainkan peranan sebagai perantara dalam menyampaikan isu ini kepada masyarakat. Berita yang dibingkaikan adalah berkaitan isu pembelajaran tulisan Jawi yang turut menyentuh sensitiviti agama, kaum dan fahaman politik. Begitu juga mengambil berat beberapa faktor yang boleh mempengaruhi emosi khalayak.

SEKOLAH VERNAKULAR

Sistem pendidikan di Malaysia mengekalkan sistem pendidikan yang wujud daripada peralihan pendidikan pada zaman penjajahan sebelum kemerdekaan. Sistem pendidikan pada ketika itu adalah cenderung kepada pendidikan berasingan mengikut kaum. Sistem pendidikan berasingan ini bukan sahaja menghalang interaksi etnik, malahan mobiliti sosial orang Melayu, iaitu penduduk peribumi negara ini.

Oleh kerana sejarah kewujudan sekolah vernakular adalah berdasarkan keperluan dan kepentingan sebahagian kaum di Malaysia, maka sistem pendidikan sekolah vernakular diteruskan sejarah dengan kewujudan sekolah kebangsaan. Walaupun demikian pemantauan tetap dilakukan bagi memastikan matlamat penubuhan sekolah ini bukanlah bertujuan untuk melahirkan sentimen perkauman dan agama.

Sekolah vernakular adalah merujuk kepada sekolah yang menggunakan bahasa ibunda dalam pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran di sekolah. Di Malaysia khususnya, terdapat tiga jenis sekolah vernakular, iaitu Melayu, Cina dan Tamil. Sekolah-sekolah ini menjalankan proses pengajaran dan pembelajaran mengikut silibus yang dibenarkan oleh kementerian kerajaan dan dilaksanakan dalam bahasa ibunda masing-masing. Namun begitu, kerajaan turut menitikberatkan penggunaan bahasa Melayu sebagai medium utama dalam subjek-subjek tertentu di sekolah ini.

Oleh itu, biarpun sekolah vernakular diberi kelonggaran bagi mengatur silih-silih pendidikan, namun kementerian pendidikan tetap memantau proses pengajaran dan pembelajaran bagi memastikan ia tidak terpesong dari matlamat pendidikan Negara. Maka itu, setiap tahun kerajaan memastikan sekolah-sekolah vernakular mendapat dana yang mencukupi untuk membantu perkembangan pendidikan di sekolah-sekolah tersebut. Malahan, kerajaan turut merangka pelan-pelan tindakan supaya sekolah-sekolah ini tidak terpinggir atau ketinggalan.

METODOLOGI

Penyelidikan ini menggunakan kaedah analisis kuantitatif. Analisis deskripsi dibuat bagi melihat jenis pembingkaian yang diamalkan oleh akhbar Berita Harian Online dan Malaysia Kini.com. Kajian ini menggunakan analisis isi kandungan untuk melihat pembingkaian berita isu tulisan Jawi dalam dua akhbar atas talian iaitu *Berita Harian Online* dan *Malaysia kini.com*. Penyelidikan ini telah memilih tempoh dua bulan iaitu dari edisi November dan Disember 2019. Tempoh ini dipilih kerana dalam masa enam (6) bulan tersebut isu pelaksanaan pembelajaran tulisan jawi begitu hebat diperkatakan oleh media dan masyarakat.

Di Malaysia, operasi media dipantau dengan teliti dan pemilik didorong untuk mengawal pergerakan media agar tidak menyentuh sensitiviti masyarakat dan pemimpin. Oleh itu kajian ini memilih dua akhbar yang berada dalam kategori akhbar perdana milik kerajaan dan akhbar swasta milik bebas. Kedua-dua akhbar ini dipilih adalah berdasarkan faktor kategori ini dan juga merupakan akhbar-akhbar yang mempunyai jumlah capaian pengguna yang tinggi.

Akhbar Berita Harian Online adalah salah satu media digital yang berada dalam kategori akhbar perdana. Ia dipilih bagi mewakili akhbar perdana atas talian yang terdapat di Malaysia. Jumlah capaian pengikut akhbar Berita Harian Online mencecah sehingga hampir 6 juta pengikut. Malaysiakini.com adalah salah satu media bebas atas talian di Malaysia. Ia telah menjangkau lebih daripada 2.5 juta pembaca setiap bulan dengan liputan bebas mengenai urusan politik dan semasa (www.malaysiakini.com). Pemilihan akhbar ini adalah berdasarkan jumlah pembaca dan jenis liputan yang dilaporkan oleh Akhbar Malaysiakini.com.

Kaedah sampel bertujuan digunakan dalam menentukan unit analisis bagi penyelidikan ini. Setiap berita yang menggambarkan isu pembantahan tulisan Jawi akan diambil sebagai unit analisis untuk mengukur dengan lebih lanjut. Kajian ini dijalankan berdasarkan penggunaan bingkai generik yang diperkenalkan oleh Semetko dan Valkenburg (2000). Penjelasan lebih lanjut mengenai bingkai generik adalah seperti di Jadual 1:

Jadual 1: Bingkai Generik oleh Semetko & Valkenburg (2000)

Jenis Bingkai	Penerangan
Bingkai tanggungjawab	Bingkai ini menyajikan isu atau masalah dengan memberikan tanggungjawab untuk penyebab atau penyelesaian sesuatu isu kepada pemerintah atau individu atau kumpulan.

Bingkai konflik	Bingkai ini menekankan konflik antara individu, kumpulan atau institusi.
Bingkai minat insani	Bingkai ini menekankan kepentingan manusia atau kesan emosi dalam sesuatu isu atau masalah yang boleh menarik dan menyentuh perasaan pembaca.
Bingkai moral	Bingkai ini menempatkan isu, peristiwa atau masalah dalam konteks moral dan agama.
Bingkai kesan ekonomi	Bingkai ini melihat isu, peristiwa atau masalah dari aspek kesan ekonomi terhadap individu, kumpulan, institusi atau negara.

Setelah semua data dimasukkan ke dalam elemen pembingkaian model Semetko dan Valkenburg (2000) langkah berikutnya ialah mengolah data tersebut untuk diinterpretasi dan dianalisis. Pada mulanya, pengkaji mengumpulkan berita-berita tentang bantahan pembelajaran tulisan Jawi di sekolah vernakular di Malaysia yang disiarkan oleh *MalaysiaKini.com* dan *Berita Harian Online* pada bulan November dan Disember tahun 2019.

Skema dalam pengekodan bingkai mengambil kira dengan menandakan sama ada ‘ya’ atau ‘tidak’ jika artikel berita yang digambarkan dalam keempat-empat akhbar yang terpilih sesuai dengan unit analisis. Untuk jawapan ‘tidak’ disesuaikan dengan kenyataan tersebut, jurukod menandakan dengan ‘1’ manakala bagi ‘2’ untuk menjawab ‘ya’. Skala dibina untuk setiap lima bingkai menggunakan nilai purata pernyataan bingkai tersebut.

DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Sebanyak 24 laporan berita berkaitan isu pembantahan tulisan Jawi di sekolah vernakular di Malaysia telah disiarkan dalam *Berita Harian Online* dan *Malaysiakini.com* kini yang dikaji selama dua bulan oleh pengkaji. Jadual 2 menunjukkan bahawa kedua-dua akhbar melaporkan sebanyak 12 laporan berkenaan isu ini dengan nilai kekerapan dan peratusan adalah 50%.

Jadual 2: Kekerapan dan peratusan

Akhbar	Kekerapan	Peratus
Berita Harian Online	12	50.0
Malaysiakini.com	12	50.0
Jumlah	24	100.0

Jadual 3 menunjukkan nilai purata lima bingkai yang disiarkan oleh kedua-dua akhbar. Secara keseluruhannya kedua-dua akhbar lebih memberi perhatian dan tertumpu kepada bingkai kesan ekonomi dengan nilai min 2.00. Manakala bingkai minat insani adalah bingkai yang juga menonjol selain bingkai kesan

ekonomi dengan nilai min 1.80. Sementara bingkai konflik dan moral merupakan bingkai yang paling kurang menonjol dengan nilai min masing-masing 1.25 dan 1.02. Penglibatan bingkai tanggungjawab lebih ketara ditunjukkan oleh Akhbar Malaysiakini.com dengan nilai min 1.92 berbanding akhbar Berita Harian Online dengan nilai min 1.0.

Jadual 3: Menunjukkan Nilai Min pembingkaian berita yang digunakan oleh akhbar Berita Harian Online dan MalaysiaKini.com.

Akhbar	Tanggung jawab	Minat Insani	Konflik	Moral	Kesan Ekonomi	N
Berita Harian Online	1.00	1.80	1.25	1.03	2.00	12
MalaysiaKini.com	1.92	1.80	1.25	1.03	2.00	12

Jika dilihat secara terperinci dan menyeluruh, kedua-dua akhbar menggunakan kelima-lima bingkai dengan kadar purata yang sama kecuali bingkai tanggungjawab. Ini kerana, akhbar Malaysia kini.com lebih menumpukan kepada isu dan masalah dengan mengemukakan penyebab atau penyelesaian isu kepada pemerintah berkenaan isu pembantahan tulisan Jawi ini. Perbezaan nilai min dalam bingkai Tanggungjawab ditunjukkan dalam Jadual 4.

Jadual 4: Skor min bingkai tanggungjawab antara Akhbar Berita Harian Online dan Malaysiakini.com.

Bingkai	Akhbar	N	Mean
Tanggungjawab	Berita Harian Online	12	1.00
	MalaysiaKini.com	12	1.92

KESIMPULAN

Kajian telah mengenal pasti bingkai yang paling menonjol yang dibina oleh media atas talian dalam pembingkaian laporan berita mengenai isu pembantahan pembelajaran tulisan Jawi di sekolah vernakular di Malaysia. Daripada perbandingan kedua-dua akhbar ini, kajian ini mendapati bahawa bingkai tanggungjawab kurang digunakan oleh akhbar Berita Harian Online. Faktor ini mungkin kerana, isu ini adalah berkaitan dengan isu perkauman dan politik. Oleh kerana akhbar Berita Harian Online adalah akhbar perdana di Malaysia, maka ia kurang menumpukan kepada tanggungjawab untuk mencari sebab dan penyelesaian kepada isu tersebut. Dapatkan ini disokong oleh kenyataan NurulAin dan Faridah (2012) bahawa wartawan dan pengeluar perlu menumpukan kepada bingkai tanggungjawab sekiranya mahu menyebarkan isu perpaduan. Memandangkan isu pembantahan pembelajaran tulisan Jawi di sekolah

vernacular adalah cetusan dari ketidakpuasan suatu kaum, maka bingkai ini kurang diberi tumpuan bagi mengurangkan kontroversi perkauman.

Sebaliknya laporan berita akhbar Malaysiakini.Com. lebih menumpukan kepada bingkai tanggungjawab. Faktor bingkai tanggungjawab dalam akhbar ini begitu menonjol kerana ia adalah salah satu akhbar swasta yang tidak berpihak kepada mana-mana pihak berkepentingan.

Kajian juga mendapati bahawa pembingkaian kesan ekonomi adalah bingkai yang paling menonjol digunakan oleh kedua-dua akhbar. Faktor kepada berlakunya penumpuan kepada bingkai kesan ekonomi kerana kedua-dua akhbar menumpukan kepada impak daripada isu yang berlaku terhadap ekonomi media. Maka, penumpuan laporan berita adalah bagi memastikan laporan yang disampaikan boleh membawa kesan kepada ekonomi. Dengan ini, boleh dikatakan bahawa kedua-dua akhbar ini mementingkan isu yang berkaitan kesan ekonomi berbanding melihat isu ini dari sudut bingkai yang sepatutnya.

Kesimpulannya, pembingkaian berita adalah penting bagi menentukan matlamat sebenar sesuatu isu itu dilaporkan kepada khalayak. Lippman (1992) menyatakan bahawa wartawan menulis berita dengan menentukan apa yang mahu dipilih, ditonjol dan yang perlu disingkirkan dalam berita yang hendak ditulisnya. Maka sebenarnya, sesuatu isu telah ditentukan jenis bingkai sebelum ia dilaporkan. Justeru terdapat perbezaan penggunaan bingkai dalam setiap isu yang dilaporkan oleh media. Hal ini disokong oleh kajian Muhammad Hakimi Tew et al. (2019) bahawa perbezaan dalam penggunaan bingkai antara isu menunjukkan empat bingkai (bingkai konflik, bingkai tanggungjawab, bingkai kepentingan manusia dan bingkai moral berada pada tahap perbezaan yang signifikan).

Isu pembantahan pembelajaran tulisan jawi sepatutnya menekankan kepada isu tanggungjawab dan sepatutnya tanpa akhbar aliran perdana atau swasta mesti menonjolkan bingkai ini dalam laporan berita. Ini bagi memikul tanggungjawab untuk menyedarkan pihak yang bertanggungjawab masalah yang berlaku dan mendesak untuk mencari penyelesaian dengan segera. Sewajarnya isu ini diselesaikan kerana ia elibatkan pendidikan dan masa depan generasi akan datang. Pendapat bahawa tulisan jawi tidak penting dan hanya menambah beban pelajar bukan Muslim harus diubah. Persepsi perkauman mesti diatasi dengan segera dan tidak harus dipantang enteng. Hasrat kerajaan untuk melahirkan generasi celik Jawi harus disokong dan diketengahkan dengan memebri penerangan yang jelas kepada khalayak. Peranan ini sememangnya terletak di bawah bingkai tanggung jawab bagi menyampaikan maklumat yang betul sekaligus menjadi mata dan telinga masyarakat.

RUJUKAN

- Bateson,G. (1972). *Steps To An Ecology Of Mind: Collected Essays In Anthropology, Psychology, Evolution And Epistemology*. San Fransisco. CA: Chandler.
- Bazzini, D.G., Pepper, A., Swofford,R. & Cochran,K. (2015). *How healthy are health magazine? A comparative content analysis of cover captions and images of women’s and men’s health magazine*. Sex Roles 72: 198-201.

- Berger, P.L. & Luckmann, T. (1967). *The Social Construction of Reality*. New York: Anchor Books.
- De Vreese, C.H. (2005). News framing: theory and typology. *Information Design Journal+Document Design*, 13(1): 51-62.
- Entman, R.B. (1993). Framing: toward clarification of a fractured paradigm. *Journal of Communication* 43: 51-58.
- Faisal & Niswa. (2009). Penguasaan Tulisan Jawi Di Kalangan Mahasiswa Pengajian Islam: Kajian Di Institut Pengajian Tinggi Awam (IPTA) Tempatan. *Jurnal al-Tamaddun*. 4: 145-156.
- Fatimah Mohammad & Azizah Hamzah. (2016). Framing the isil: a content analysis of the news coverage by CNN and Aljazeera. *Jurnal Komunikasi Malaysian Journal of Communication* 32(1): 335-364.
- Fico, F. & Drager, M. (2001). News Stories About Conflict Generally Balanced. *Newspaper Research Journal*, 22: 2-4.
- Gayatri,S.A. (2008). *Advertising appeals in magazine: A framing study*. Sarjana Sains. Fakulti kewartawanan dan Komunikasi Massa, San Jose State University. San jose State University.
- Goffman, E. (1974). *Frame Analysis: An essay on the Organization of Experience*. Boston: Northeastern University Press.
- Iyengar, S. (1991). *Is anyone responsible? How television frames political issues*. Chicago: University of Chicago Press.
- Iyengar,S. & Kinder, D. R. (1987). *News that Matters Television anda American Opinion*. Chicago: University of Chicago Press.
- Lippmann, W. (1992). *Stereotype, Public Opinion, and the Pers dalam Elliot D. Cohen (ed). Philosophical Issues in Journalism*. New York: Oxford University Press.
- Matthes, J. & Kohring, M. (2008). The content analysis of media frames:toward improving reliability and validity. *Journal of Communication* 58: 258-279.
- Mohd Eezan Hamdzah & Shahlan Surat. (2021). Pemupukan Minat Terhadap Jawi Dalam Kalangan Murid Sekolah Rendah. *Jurnal Personalia Pelajar* 23(2): 103-109. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Muhammad Hakimi Tew Abdullah, Abdul Rauf Ridzuan, & Shafinor Ismail. (2019). Kajian perbandingan bingkai media dalam liputan media blog di Malaysia. *Jurnal Komunikasi*, 35 (3): 21-40
- Nurul Ain A.Hamid & Faridah Ibrahim. (2012). Pembingkaiian berita etnik dalam akhbar-akhbar aliran perdana di Malaysia. *Jurnal Komunikasi*, 28(2): 95-112.
- Saiful Bahari Abdul Rahman & Mazlan Ibrahim. (2019). Tahap Dan Faktor Yang Mempengaruhi Penguasaan Jawi Dikalangan Murid Tahun Enam Di Sekolah Kebangsaan Seri Duyong. *Jurnal At-Tahkim* 9: 1-6.
- Saodah Wok & Shafizan Mohamad. (2008). The impact of tv and magazines on fashion and dressing of urban women of different ages. *Malaysian Journal of Media Studies*: 158-170.
- Scheufele, D.A. & Tewksbury, D. (2007). Framing, agenda setting, and priming: The evolution of three media effects models. *Journal of Communication* 57(1): 9-20.

- Scheufele,D.A. (2000). Agenda-setting, priming, and framing revisited. Another look at cognitive effects of political communication. *Mass Communication & Society* 3: 297-316.
- Semetko, H. A. and Valkenburg, P. M. (2000). Framing european politics: A content analysis of press and television news. *Journal of Communication*, 50(2): 93-109.
- Shoemaker, P, J, & Reese, S.D. (1996). *Mediating the message: Theories of Influences of Mass Media Content*. New York: Longman.
- Susanti Novarini & Bahiyah Omar. (2016). Pembikaian pilihan raya legislatif Aceh 2014: satu analisis kandungan terhadap berita dalam talian akhbar kompas dan republika. *Jurnal Pengajian Media Malaysia* 18 (1): 1-17.
- Tuchman, G. (1978). *Making News: A Study in the Construction of Reality*. New York: Free Press.
- Yang Lai Fong & Md Sidin Ishak. (2011). Framing religious disputes: A comparative analysis of the Lina Joy controversy reported by Malaysian newspaper. *SEARCH* 3(2): 21-37.
- Zurina Abdullah & Adi Yasran. (2020). Peminggiran tulisan jawi sebagai lambang jati diri melayu: satu kajian tinjauan. *Jurnal Sultan Alauuddin Sulaiman Shah*.7 (2): 244- 255.